



## **MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Semua Warganegara Malaysia (Keutamaan Kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

### **A. SKIM PERKHIDMATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
1	PEMBANTU PENGUATKUASA	KP19	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	PELAKSANA	TETAP	GAJI MINIMUM :RM 1,360.00 GAJI MAKSIMUM :RM 4,052.00

#### **NOTA :**

**JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM, IMBUHAN TETAP PERUMAHAN DAN ELAUN-ELAUN LAIN.**

### **B. SYARAT LANTIKAN**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) Warganegara Malaysia; dan
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
  - d) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau
  - e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,416.80); dan

- ii. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar
- iii. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokesional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang MPT/1 yang boleh didapati secara percuma di:-
  - i) **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh,  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**
  - ii) **Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran  
Temerloh [www.mpt.gov.my](http://www.mpt.gov.my)**
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** :-
  - i. **Sijil Kelahiran**
  - ii. **Kad Pengenalan (depan / belakang)**
  - iii. **Sijil Berhenti Sekolah**
  - iv. **Sijil / Diploma / Ijazah yang berkaitan**
  - v. **Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas – tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon.**
3. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguin Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21.
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Temerloh  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**

**Tarikh tutup permohonan : 31 OKTOBER 2019**

#### **D. CATATAN AM**

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :
  - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
  - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
  - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.